

CNS2385

R GB 13-04 00132 BA671

AAB

Mahathir - Bateri

JITRA, 13 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Australia difahamkan akan menyekat kemasukan bateri dari Malaysia dengan alasan kononnya pengeluaran bateri di negara ini mendapat subsidi kerajaan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak begitu jelas dengan apa yang dimaksudkan oleh Australia itu.

Bagaimanapun, Malaysia tidak akan bertindak balas dengan menyekat kemasukan barangan dari Australia, katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai pembangunan daerah Kubang Pasu di pejabat daerah, di sini hari ini.

+Kita tidak akan sekat apa-apa...kita percaya kepada free trade (perdagangan bebas),+ kata beliau.

Perdana Menteri berkata, Malaysia lebih banyak membeli barangan dari Australia seperti daging, susu, gula dan tepung tetapi barangan Malaysia tidak begitu laris di negara itu. -- lagi

♥13/04/13-44MST

CNS8404

R GB 13-04 00182 BA676

AAB

Mahathir - Bateri 2 Jitra

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai hubungan Malaysia dan Australia dan +kerenggangan+ antara kedua-dua negara yang ketara sejak kebelakangan ini.

Mengenai kemungkinan Malaysia akan melaksanakan dasar memulau barangan Australia seperti dasar +Buy British Last+, yang pernah dikenakan terhadap Britain suatu masa dahulu, Perdana Menteri berkata: +Kita tak sampai lagi kepada tahap tu...belum sampai+.

Menurutnya, hubungan Malaysia dan Australia pada tahap ini boleh ditakrifkan sebagai +proper+ sahaja atau +mengikut aturan dan tak lebih daripada itu...bukanlah sebagai negara sahabat karib. Ia sebuah negara yang merdeka, kita sebuah negara yang merdeka, jadi kita ada hubungan+.

Ketika ditanya sama ada kerenggangan itu berlaku semasa kerajaan negara itu di bawah Perdana Menteri Bob Hawke, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Saya tak hendak menyalahkan mana-mana kerajaan ataupun mana-mana Perdana Menteri, tetapi hakikatnya waktu itu apabila kita ambil tindakan terhadap pengedar dadah...tuduhan bahawa kita adalah +Barbarian+, manusia yang tidak mempunyai tamadun...demikian juga apabila kita ambil tindakan menjaga keselamatan kita pada 1987, kecaman yang dibuat ialah kita tidak demokratik+. -- lagi

♥13/04/14-18MST

CNS8419

R GB 13-04 00238 BA681

AAB

Mahathir - Bateri 3 Jitra

+Semuanya datang dari Australia. Negara lain tidak membuat kecaman yang semacam itu. Tetapi Australia nampaknya berpendapat bahawa mereka menjadi pengadil di wilayah ini. Dan mereka yang mesti tentukan standard yang mest diikuti oleh semua orang,+ tambah beliau.

Ketika ditanya pandangannya mengenai kenapa Australia nampaknya kurang senang terhadap Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Saya berpendapa bahawa inilah satu perasaan bahawa mereka superior daripada kita. Mereka adalah satu bangsa yang bertamadun sedangkan kita sebuah negara yang membangun...ketinggalan+.

+Ada juga perasaan bahawa oleh kerana negara ini penduduknya terdiri daripada orang Islam maka mereka berasa bahawa ini adalah negara seolah-olah musuh. Sebab itu mereka cuba menggambarkan negara kita sebagai sebuah negara Islam yang mundur, yang tidak penting dan sebagainya+.

Mengenai sokongan Australia dan New Zealand terhadap Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG), Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kumpulan itu tidak memerlukan sokongan negara-negara tersebut.

Etika ditanya sekiranya New Zealand hendak menyertai kumpulan itu, beliau berkata, New Zealand tidak termasuk dalam kumpulan negara Asia Timu tetapi sekiranya negara-negara Asia Timur lain mahu menerima New Zealand menganggotainya, kumpulan itu sedia menerimanya sebagai anggota.

Datuk Seri Dr Mahathir dan isteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali pulang ke sini petang semalam untuk menghadiri majlis berbuka puasa dengan orang ramai di Tunjang, malam tadi.

Mereka berlepas pulang ke Kuala Lumpur tengah hari ini. -- Bernama

♥13/04/14-39MST